



AHMAD HAZIQ



MUHAMAD AFIQ



AHMAD FAIZ YAZID

Pelajar tidak sabar ikuti program Permata Insan

SEREMBAN 19 Jan. - Pelajar yang mengikuti Pengajian Peringkat Asas Satu (Tingkatan Satu) di Kolej Permata Insan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dekat sini sudah tidak sabar untuk belajar di situ selepas mereka mula mendaftar, di sini kelmarin.

Malah, pelajar yang ditemui *Utusan Malaysia* sudah bersiap sedia untuk melangkah ke kolej itu dengan menyimpan cita-cita tersendiri, selain melahirkan rasa syukur dan gembira kerana mereka kumpulan pertama yang akan melaksanakan Program Permata Insan di sini.

Ahmad Haziq Mohamed Sabri, 13, memberitahu, menjadi kumpulan pertama dalam program itu sungguh menyeronokkan dan sudah pastinya peluang yang ada ini tidak akan disia-siakan.

"Sekarang ini yang penting ialah menjadi terbaik dalam semua bidang ketika mengikuti pelajaran di sini," katanya yang berasal dari Johor Bahru, Johor.

Sementara itu, **Muhamad Afiq**

Syazani Zawawi, 13, berkata, dia tidak kekok untuk berdepan dengan rakan-rakan lain memandangkan kesemua mereka telah pun mengikuti program awal beberapa tahun lalu.

"Jadi saya tidak ada masalah untuk bersama-sama mereka. Malah, apa yang istimewanya di sini, biarpun akademik itu penting tetapi soal agama tidak diketepikan kerana terdapat juga kelas al-Quran," katanya yang bercita-cita menjadi arkitek.

Sementara itu, **Ahmad Faiz Yazid**, 13, berkata, Kolej Permata Pintar ini agak unik kerana menggabungkan pelbagai elemen dari segi akademik tanpa mengeneppikan soal keagamaan yang menjadi teras di sini.

"Pelbagai perkara boleh dipelajari dan memang saya menunggu peluang untuk belajar di sini. Malah, saya berasa amat berbangga kerana terpilih menjadi kumpulan yang pertama berada di sini," katanya yang berhasrat untuk menjadi pakar motivasi.